

## Buli Siber Melalui Media Sosial dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis

Siti Fatimah Ahmad, Hamdan Said  
Universiti Teknologi Malaysia  
siti-94@graduate.utm.my

### Abstrak

Buli siber (*Cyberbullying*) merupakan fenomena global yang mendapat perhatian di masyarakat saat ini. Studi percontohan ini bertujuan untuk mengidentifikasi perilaku yang terkait dengan *cyberbullying* di kalangan mahasiswa pendidikan tinggi di Malaysia. Penelitian ini menggunakan kuisioner *Cyberbullying and Online Aggression Survey* sebagai instrumen penelitian. Nilai reliabilitas Cronbach's Alpha untuk dimensi korban *cyberbullying* adalah 0,81 dan pelaku *cyberbullying* adalah 0,82. Hasil penelitian menunjukkan bahwa responden merupakan korban *cyberbullying* dan juga responden yang menjadi pelaku *cyberbullying*. Temuan penelitian ini diharapkan dapat menjadi pemicu agar penelitian terkait *cyberbullying* di kalangan mahasiswa pendidikan tinggi dapat diperluas sehingga masalah ini dapat ditangani secara serius.

Kata kunci: Buli siber, media sosial, pelajar institusi pengajian tinggi, mahasiswa pendidikan tinggi

### Abstract

*Cyberbullying is a global phenomenon that is gaining attention in today's society. This pilot study aims to identify behaviors related to cyberbullying among students of higher learning institutions in Malaysia. This study uses the Cyberbullying and Online Aggression Survey questionnaire as research instruments. The Cronbach's Alpha reliability value for the cyberbullying victim dimension was .81 and the cyberbullying perpetrator was .82. The results of the study showed that the respondents were victims of cyber bullying and there were also respondents who were perpetrators of cyber bullying. It is hoped that the findings of this study will be a trigger so that research related to cyber bullying among students of higher learning institutions can be expanded so that this issue can be addressed seriously.*

*Keywords: cyberbully, media social, higher education student*

## PENDAHULUAN

Perkembangan dan kemajuan teknologi pada masa kini menyebabkan internet dan media sosial dapat diakses dengan mudah tanpa sempadan dan kawalan. Penggunaan media sosial tanpa kawalan ini boleh menyebabkan berlakunya pelbagai ancaman sosial dalam talian seperti buli siber, gangguan seksual, ketagihan internet dan pornografi, dan lain-lain lagi.

Beberapa kajian telah dilakukan untuk melihat penggunaan media sosial tanpa kawalan terhadap pelajar. Kajian Lai Chee Sern (2016) ke atas 474 remaja misalnya mendapati 54.2% daripada keseluruhan responden pernah menjadi mangsa buli siber manakala kajian Che Hasniza (2018) yang melibatkan 276 remaja Malaysia pula mendapati bahawa 30% daripada keseluruhan responden juga pernah menjadi mangsa buli dalam talian. Dapatkan kajian ini diperkuatkan lagi apabila Malaysia didapati pada tahun 2018 berada di kedudukan ke-6 daripada 28 buah negara dalam isu berkaitan dengan buli siber di peringkat global (Sam Cook, 2022). Hal ini jelas menunjukkan gejala buli siber di Malaysia bukanlah isu terpencil. Buli siber merupakan perbuatan berulang dengan tujuan untuk menakutkan, mendatangkan kemarahan dan memalukan seseorang menggunakan kemudahan komunikasi teknologi seperti teks, chatting, emel, laman web sosial, telefon bimbit dan permainan internet (MKN, 2021).

Walaupun terdapat beberapa kajian lepas dilakukan berkaitan dengan buli siber di Malaysia namun terdapat beberapa limitasi terhadap kajian-kajian tersebut. Contohnya, kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada kesejahteraan mangsa yang rata-ratanya mendapati bahawa mangsa buli siber ini akan menerima kesan negatif (Jamiah Manap et al., 2016; Siti Zalifah, 2022; Wan Shahrazad, 2019). Buli siber ini memberikan kesan negatif bukan hanya kepada emosi tetapi juga fizikal dan psikologi. Sekiranya buli siber ini tidak dibendung, tidak mustahil boleh menjasaskan kehidupan kerana kesan buli siber kepada pelajar ini turut boleh menjasaskan prestasi pembelajaran mereka (Hasbollah et al., 2019; Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, 2019).

Selain itu, kajian lepas juga lebih tertumpu kepada pelajar sekolah sebagai responden kajian (Balakrishnan, 2015; Ismail & Kutty, 2020; Lai Chee Sern, 2016; Nurulhuda, 2022; Sarina et al., 2019). Pelajar sekolah menengah ini berbeza dengan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Pelajar IPT dikatakan lebih dewasa dan dijangkakan lebih matang dalam penggunaan media sosial. Justeru itu sewajarnya kajian ke atas pelajar institusi pengajian tinggi perlu lebih ditekankan kerana kebanyakkan pengguna internet adalah mereka yang berumur antara 20-24 tahun (34.1%) (MCMC, 2020).

Terdapat kajian-kajian lepas yang menggunakan pendekatan kualitatif seperti temubual dan kajian kes bagi mendapatkan senario yang lebih mendalam mengenai buli siber (Yusuf et al., 2017). Walaubagaimanapun, pertambahan bilangan pengguna internet dalam kalangan pelajar IPT yang semakin meningkat adalah wajar kajian yang berbentuk kuantitatif perlu lebih banyak dijalankan. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji situasi semasa tentang buli siber dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

## METODE PENELITIAN

Kajian kuantitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan tinjauan dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini melibatkan pelajar Universiti Teknologi Malaysia kampus Johor Bahru. Seramai 30 responden pelajar terlibat dengan kajian ini yang terdiri daripada 11 pelajar lelaki (36.7%) dan 19 pelajar perempuan (63.3%) yang berumur antara 19 - 28 tahun. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini dengan memilih responden yang mempunyai sekurang-kurang satu media sosial sebagai satu daripada kriteria pemilihan yang ditetapkan. Soal selidik diedarkan secara dalam talian menggunakan *Google Form*.

Data kajian ini diperoleh melalui soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian: Bahagian A ialah profil demografi responden; Bahagian B mengenai penggunaan media sosial; dan Bahagian C pula tingkahlaku buli siber (pelaku buli siber dan mangsa buli siber) dengan menggunakan soalselidik *Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument* (Hinduja & Patchin, 2009) yang mengandungi 26 item soalan dengan menggunakan 5 poin-skala likert seperti berikut: tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kadang, kerap, dan sangat kerap. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23.0 melibatkan analisis statistik deskriptif.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

### 1. Penggunaan media sosial

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden memilih tiktok sebagai platform yang sering digunakan iaitu seramai 14 orang (46.7%) dan diikuti oleh Whatsapp seramai 8 orang (26.7%). Tiktok menjadi pilihan responden kerana Tiktok sentiasa membuat perubahan

dan menambah ciri baru secara berkala pada aplikasinya untuk kekal relevan kepada pengguna (W. S. Zito, 2022).

Majoriti responden menggunakan 5-8 jam sehari untuk menggunakan media sosial iaitu 14 orang (46.7%) diikuti dengan 1-4 jam sehari iaitu 9 orang (30.0%). Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Ismail & Kutty (2020) yang mendapati seramai 68.5% responden mereka menggunakan internet melebihi 5 jam sehari. Kajian lepas mendapati semakin lama masa yang diluangkan menggunakan media sosial akan menyebabkan lebih tinggi risiko seseorang itu terlibat dengan buli siber (Che Hasniza, 2018).

Tabel 1: Platform media sosial dan tempoh penggunaan media sosial

		N (Total = 30)	%
Platform yang sering digunakan	Facebook	2	6.7
	Whatsapp	8	26.7
	Youtube	2	6.7
	Instagram	4	13.5
	Tiktok	14	46.7
Tempoh penggunaan media sosial	1 – 4 jam	9	30.0
	5 – 8 jam	14	46.7
	9 -12 jam	3	10.0
	13 – 18 jam	4	13.3

## 2. Tingkah laku buli siber

Kajian ini telah mengenal pasti tingkah laku buli siber daripada dua dimensi iaitu mangsa buli siber dan pelaku buli siber. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan responden pernah mengalami situasi buli siber. Berdasarkan kepada nilai min yang ditunjukkan dalam Jadual 2, didapati nilai min tertinggi adalah menerima kata-kata kotor dan lucah iaitu 2.0 (sp 0.93), diikuti dengan mendapat komen negatif di laman sosial dengan nilai min 1.9 (sp 0.78).

Kajian ini juga menunjukkan responden bukan sahaja pernah mengalami situasi buli siber tetapi juga pernah melakukan buli siber. Berdasarkan kepada nilai min yang ditunjukkan dalam Jadual 3, didapati nilai min tertinggi adalah menerima kata-kata kotor dan lucah iaitu 1.43 (sp 0.73), diikuti dengan mendapat komen negatif di laman sosial dengan nilai min 1.33 (sp 0.71).

Berdasarkan kepada kedua-dua situasi ini, membuktikan terdapat mangsa buli siber ini juga melakukan buli siber kepada pengguna media sosial yang lain. Nilai min tertinggi untuk penggunaan kata-kata kotor dan lucah adalah situasi yang dihadapi oleh mangsa dan pelaku buli siber. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Shaari et al., (2019) yang penggunaan kata-kata kesat yang berleluasa dalam kalangan remaja tanpa mengira jantina dan bangsa.

Tabel 2: Taburan kekerapan, min dan sisihan piaawai dimensi mangsa buli siber

Item	Kekerapan (%) (N=30)					Min (sp)
	Tidak pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat Kerap	
Saya mendapat komen negatif di laman sosial.	33.3	40.0	26.7	-	-	1.93 (0.78)
Gambar peribadi saya disebarluaskan tanpa kebenaran.	70.0	20.0	10.0	-	-	1.40 (0.67)
Video saya dimuat naik (upload) tanpa kebenaran.	63.3	20.0	10.0	6.7	-	1.60 (0.93)
Saya difitnah melalui laman sosial.	83.3	16.7	-	-	-	1.17 (0.38)
Saya mendapat komen memalukan di laman sosial.	86.7	6.7	6.7	-	-	1.20 (0.55)
Maklumat peribadi saya disebarluaskan tanpa kebenaran.	73.3	20.0	6.7	-	-	1.33 (0.61)
Maklumat palsu tentang diri saya disebarluaskan.	73.3	26.7	-	-	-	1.27 (0.45)
Saya menerima kritikan dan kata-kata yang memalukan.	76.7	16.7	6.7	-	-	1.30 (0.60)
Kata laluan (password) saya digunakan oleh individu lain.	63.3	26.7	10.0	-	-	1.47 (0.68)
Saya menerima kata-kata kotor dan lucuh.	36.7	36.7	20	6.7	-	1.97 (0.93)
Saya diugut oleh individu yang tidak dikenal.	70.0	23.3	6.7	-	-	1.37 (0.61)
Saya dijadikan bahan jenaka di laman sosial.	86.7	13.3	-	-	-	1.13 (0.35)
Saya menerima gangguan seksual di laman sosial.	60.0	20.0	13.3	6.7	-	1.67 (0.96)

Tabel 3: Taburan kekerapan, min dan sisihan piawai dimensi pelaku buli siber

Item	Kekerapan (%) (N=30)					Min (sp)
	Tidak pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat Kerap	
Saya menghantar komen negatif di laman sosial.	80.0	6.7	13.3	-	-	1.33 (0.71)
Saya menyebarkan gambar peribadi orang lain tanpa kebenaran.	80.0	16.7	3.3	-	-	1.23 (0.50)
Saya memuat naik (upload) video orang lain tanpa kebenaran.	83.3	16.7	-	-	-	1.17 (0.38)
Saya memfitnah individu di laman sosial.	96.7	3.3	-	-	-	1.07 (0.37)
Saya menghantar komen yang bertujuan untuk memalukan seseorang.	80.0	20.0	-	-	-	1.20 (0.41)
Saya menyebarkan maklumat peribadi orang lain tanpa kebenaran.	96.7	3.3	-	-	-	1.03 (0.18)
Saya menyebarkan maklumat palsu tentang seseorang.	90.0	6.7	3.3	-	-	1.13 (0.43)
Saya menghantar kritikan yang memalukan kepada seseorang.	100.0	-	-	-	-	1.00 (0.01)
Saya menggunakan kata laluan (password) individu lain tanpa kebenaran.	100.0	-	-	-	-	1.00 (0.01)
Saya menggunakan kata-kata kotor dan lucah.	70.0	16.7	13.3	-	-	1.43 (0.73)
Saya mengancam dan mengugut rakan di laman sosial.	96.7	3.3	-	-	-	1.03 (0.18)
Saya menjadikan rakan-rakan laman sosial sebagai bahan jenaka.	83.3	10.0	6.7	-	-	1.23 (0.57)
Saya membuat gangguan seksual melalui laman sosial.	100.0	-	-	-	-	1.00 (0.01)

## SIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan secara jelas bahawa buli siber berlaku dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Sebanyak 23% responden mengaku meluangkan masa lebih dari 8 jam sehari melayari media sosial. Masa yang lebih lama diluangkan ini menyebabkan lebih tinggi risiko pelajar terlibat dengan buli siber. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian rintis,

responden kajian tidak dapat digeneralisasikan. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik lain dan pihak yang berkaitan untuk memahami situasi semasa tentang buli siber dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. Akhir sekali, hasil penyelidikan diharapkan dapat membantu institusi Pendidikan dan pihak berkaitan untuk menghasilkan kajian atau strategi yang lebih pragmatik untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan buli siber yang semakin meningkat seiring dengan kemajuan teknologi.

## DAFTAR PUSTAKA

- Adam, S. D. B. S. (2014). Cabaran Dan Reaksi Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Dalam Bidang Pentadbiran Dan Pendidikan di Malaysia, 1957–1966. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 305–315. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.253>
- Ariffin, A., Mohd, N., Roknatnam, T., Malaysia, C., My, A., & My, N. (2021). Cyberbullying via Social Media: Case Studies in Malaysia. *Journal of Cyber Security*, 3(1).
- Balakrishnan, V. (2015). Cyberbullying among young adults in Malaysia: The roles of gender, age and Internet frequency. *Computers in Human Behavior*, 46. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.01.021>
- Che Hasniza. (2018). Meneroka ciri dan faktor buli siber dalam kalangan remaja di Malaysia.
- Hamzah, A., & Fakhrudin, F. M. (2013). Cyberbullying Among Malaysian Youth. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 9.
- Hasbollah, Nur Syahirah and Md Rashid, Marjan and Ihwani, Siti Suhaila (2019) Media Sosial dan Pelajar Universiti Menurut Islam. In: Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), 15hb. Disember 2019, DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. (Unpublished)
- Hinduja, S., & Patchin, J. W. (2009). Bullying beyond the schoolyard. In *Preventing and responding to cyberbullying*. Crosswire.
- Hinduja, Sameer, & Patchin, J. W. (2015). Bullying beyond the schoolyard: Preventing and responding to cyberbullying, 2nd ed. In *Bullying beyond the schoolyard: Preventing and responding to cyberbullying, 2nd ed.*
- Ismail, S. Z., & Kutty, F. M. (2020). the Relationship Between Internet Addiction and Cyberbullying Toward Psychological Well-Being Among Teenagers. *International Journal of Social Science Research*, 2(3).
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Kasim, A. C., Norul Huda Sarnon, Salina Nen, & Nor Jana Saim. (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference on Social and Economic Development*, November.

- MCMC. (2020). Internet Users Survey 2020. *Malaysian Communications And Multimedia Commission*.
- Patchin, J. W., & Hinduja, S. (2012). Cyberbullying prevention and response: Expert perspectives. In *Cyberbullying Prevention and Response: Expert Perspectives*. <https://doi.org/10.4324/9780203818312>
- Sam Cook. (2022). Cyberbullying facts and statistics for 2018 – 2022. <https://www.comparitech.com/internet-providers/cyberbullying-statistics/>
- Shaari, A. H., Kamaluddin, M. R., Bahasa, K., & Etika, K. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*, 16(6).
- Suriana Che Awang, & Khadijah Alavi. (2019). Buli Siber : Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar Ukm. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 1(4).
- Yusuf, S., Hassan, M. S. H., & Ibrahim, A. M. M. (2017). Cyberbullying Among Malaysian Children Based on Research Evidence. In *Encyclopedia of Information Science and Technology, Fourth Edition*. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-2255-3.ch149>
- Zito, W. (2022). TikTok Cyberbully Responses: Communicating the Narrative. *Doctoral Dissertations and Projects*. <https://digitalcommons.liberty.edu/doctoral/3622>